



MAJLIS DAERAH KUBANG PASU  
KOMPLEKS PENTADBIRAN KUBANG PASU  
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN  
TEL : 04-9183300 / 04-9183309  
FAKS : 04-9174057

BAHAGIAN KESIHATAN  
UNIT PELESENAN

## SYARAT-SYARAT AM LESEN PASAR

1. Lesen yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah dimasukkan di dalam plet ( patil ) yang disediakan dan dipamerkan di tempat pemiagaan dan mudah dilihat pada setiap masa.
2. Syarat-syarat lesen yang dikeluarkan hendaklah sentiasa dipatuhi.
3. Pembayaran lesen hendaklah dibuat di Majlis Daerah Kubang Pasu sebelum atau pada Februari tiap-tiap tahun.
4. Lesen tidak boleh dipindah milik tanpa kelulusan Majlis.
5. Yang DiPertua Majlis Daerah Kubang Pasu boleh membatalkan lesen tanpa memberi sebarang sebab. Selain dari kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang tersebut, Majlis boleh mengeluarkan syarat-syarat tambahan dari semasa ke semasa.
6. Tidak dibenarkan gantung atau simpan sebarang perkakasan tempat tidur atau pangkin di dalam mana-mana tempat di dalam pasar dan perbuatan duduk atau berdiri tau baring di atas meja jualan adalah dilarang.
7. Semua meja-meja jualan, bangku atau almari yang digunakan bagi tempat letak jualan daging atau ikan atau sayur hendaklah sentiasa berkeadaan bersih dan dibasuh dengan air dan detergen/ bahan pencuci sekurang-kurangnya sekali sehari.
8. Sampah sarap pemiagaan atau bahan buangan hendaklah dikutip dan dimasukkan ke dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dilupuskan dalam tong sampah. Sebarang kotak kosong atau raga ditegah disimpan dalam pasar ini lebih dari 24 jam.
9. Hendaklah menjaga kebersihan kaki lima jalan sekeliling ruang tersebut bersama-sama dengan pelesen-pelesen lain yang berdekatan dan sebarang penjualan di kaki lima dan sekeliling ruang legar/ pejalan kaki/ laluan bebas awam adalah ditegah.
10. Pelesen hanya dibenarkan menjual barang-barang sepertimana diluluskan oleh Majlis sahaja.
11. Setiap pelesen hendaklah mengendalikan dan hadir sendiri di meja jualannya dan sekiranya memerlukan pembantu hendaklah terlebih dahulu memohon dan mendapatkan kebenaran bertulis dari Majlis.